

TARIKH	6 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	17	RUANGAN	Setempat

'Dua kali menjadi tetamu Allah tahun ini'

KELANA JAYA: "Saya tak sangka sekali lagi dijemput menjadi tetamu Allah di Tanah Suci tahun ini.

"Tetapi kali ini, ia begitu istimewa kerana saya berangkat untuk menunaikan haji," kata bakal haji, Awaludin Sarjuni, 43.

Beliau yang berasal dari Tanjung Sepat, Selangor berkata, dalam tempoh kira-kira dua bulan selepas menunaikan Umrah, dia mendapat tawaran daripada Tabung Haji (TH) untuk menunaikan Rukun Islam kelima itu.

Bagaimanapun, katanya, rezeki diterima itu adalah tuah daripada ibunya, Juriah Yusak, 67, yang turut diberi tawaran dan diminta TH untuk membawa pengiring mahram.

"Memandangkan saya anak sulung, semua adik yang lain meminta saya menjadi pengiring kepada mak berikutan saya pernah menunaikan umrah sebelum ini dan mempunyai pengalaman berada di sana," katanya yang tidak sabar menjalani ibadat itu.

Katanya, walaupun tanggungjawab itu bertambah ketika berada di Makkah nanti, dia berharap diberi



PESANAN...Awalludin (kiri) berbual dengan Rosnani (kanan) sambil diperhatikan Juriah (tiga dari kanan).

"Memandangkan saya anak sulung, semua adik lain meminta saya menjadi pengiring kepada ibu"

>Awalludin

kesabaran dan kekuatan untuk membawa emaknya mengerjakan ibadat dengan sempurna.

"Satu saja impian saya, saya mahu kami sama-sama mendapat haji mabrur," katanya.

Katanya, walaupun mempunyai perancangan untuk menunaikan haji bersama isteri, Rosnani Tukiman, 31, dia reda kerana belum berpeluang untuk berbuat sedemikian.